

# 350 peserta jayakan UMSKAL Graduate Night Run 2019

UB 20.11.2019 6

**LABUAN:** Seramai 350 peserta dari dalam dan luar Wilayah Persekutuan Labuan menyertai Graduate Night Run sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Campus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2019 pada 17 November lalu.

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Pengarah Universiti Malaysia Sabah,

Kampus Antarabangsa Labuan Prof Dr Murnizam Haji Halik bersama Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah jam 7 malam di Menara UMSKAL.

Manakala majlis penyampaian cabutan bertuah oleh Penolong Pendaftar Kanan UMSKAL Mas Adi Alimini.

Penyelaras Graduate

Night Run Jasri Japar yang juga pembantu Belia dan Sukan UMSKAL berkata, larian sejauh 7 kilometer itu dianjurkan Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL yang diketuai oleh Ketua Sektor Ahmad Fadly Abd Rahman.

Beliau mengucapkan terima kasih 30 orang sukarelawan sukan UMSKAL yang membantu menjayakan

program yang julung kali ini diadakan pada waktu malam itu.

“Kehadiran peserta dari luar turut mempromosikan UMSKAL sekaligus membantu menjana ekonomi dan merancakkan lagi industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya ditemui selepas majlis penyampaian hadiah cabutan bertuah.